



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/63(HQ)

PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Kehidupan Puan Sofiah Chin kini lebih selesa, setelah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membaik pulih kediamannya di Sungai Rusa, Balik Pulau, Pulau Pinang menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat negeri Pulau Pinang 2015.

Puan Sofiah Chin, 58, bekerja sebagai tukang sapu di Pusat Latihan Zakat (PULAZA). Sofiah Chin tinggal bersama kakaknya, Salemah Chin 61 tahun, seorang kelainan upaya.

Rumah beliau rosak teruk akibat bencana angin ribut yang telah melanda kawasan Balik Pulau pada 29 Disember 2014 yang lalu.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih lengkap dengan tiga (3) bilik tidur, ruang dapur, ruang tamu, bilik mandi dan tandas serta lengkap dengan kemudahan elektrik dan air.

Rumah Puan Sofiah Chin yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia merangkap Ahli Parlimen, Dato' Seri Dr Hilmi Yahya.

Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin dalam ucapannya berkata projek Baiti Jannati adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Melalui Projek Baiti Jannati ini, TNB memperuntukkan RM2.05 juta setiap tahun menggunakan duit **Zakat TNB** untuk membina 48 buah rumah penerima yang layak di seluruh Semenanjung. Bagi peringkat negeri Pulau Pinang sebanyak dua puluh lapan (28) buah terlibat sejak tahun 2008. Untuk tahun 2015, sejumlah empat (4) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu di Balik Pulau, Timur Laut, Kepala Batas dan Nibong Tebal.

Dikeluarkan di Sungai Rusa, Balik Pulau, Pulau Pinang, pada 16 Mei 2015

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Muhammad Radhi (019-3883424) atau

Raja Mohd Aman Shah (019-2168687)